

**JABATAN KORPORAT**

TARIKH:18.12.2023 MASA:2.00pm

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD**  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PECAH TANAH PEMBINAAN  
DEPOH PEMBERSIHAN AMPANG JAJAR, PEJABAT  
OPERASI JABATAN LANDSKAP MBSP DAN  
*INTEGRATED SOLID WASTE MANAGEMENT CENTRE*  
(ISWMC) DI SEBAHAGIAN LOT 2036, MUKIM 2,  
SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**19 DISEMBER 2023 (SELASA)**  
**9.45 PAGI**

**PEJABAT PENGURUSAN SISA PEPEJAL BERSEPADU  
(PPSPB)  
AMPANG JAJAR  
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini di **Majlis Perasmian Pecah Tanah Pembinaan Depoh Pembersihan Ampang Jajar, Pejabat Operasi Jabatan Landskap Dan *Integrated Solid Waste Management Centre* (ISWMC) di Sebahagian Lot 2036, Mukim 2, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang** di Pejabat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu (PPSPB), Ampang Jajar, Seberang Perai Tengah.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa yang sudi hadir untuk merasmikan Majlis Pecah Tanah ini.
3. Saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Dato' Ts. Syamshuar bin Husin, Pengarah Urusan Greenviro Solutions Sdn.

Bhd., Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, rakan media dan para hadirin sekalian.

4. Pengurusan Sisa Pepejal merupakan satu aspek yang sangat penting, di mana secara purata, sebanyak 2,500 tan sisa pepejal di hantar ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung setiap hari bagi dilupuskan secara kambus tanah. Berdasarkan pengiraan dan kajian yang dijalankan, Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung yang berkeluasan 315 ekar hanya mampu bertahan sehingga tahun 2040. Sehubungan itu, cadangan penggunaan teknologi atau kaedah pengurusan sisa pepejal yang efisien, kos efektif dan selamat bagi menguruskan sisa pepejal sentiasa diterokai dan dikaji.
  
5. Salah satu usaha dalam mengurangkan sampah ke tapak pelupusan adalah pembinaan dan pengoperasian Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC) di Ampang Jajar. ISWMC ini akan mempunyai kemudahan untuk memproses sisa binaan dan sisa pukal. ISWMC akan mengurangkan sisa pepejal yang akan dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) bermula dengan pengurangan 50% kapasiti sampah pada tahun 2025 sehingga 2027

dan akan meningkat kepada 90% bermula pada tahun 2027 sehingga 2040.

6. *Integrated Solid Waste Management Centre (ISWCM)* ini terdiri dari tiga (3) komponen utama iaitu pemprosesan sisa domestik, sisa kebun dan sisa pembinaan dan perobohan (C&D). Sisa dari Seberang Perai Utara dan sebahagian Seberang Perai Tengah dengan anggaran berat 650 tan sehari akan diproses di fasiliti ini. Kapasiti ini boleh ditingkatkan sehingga 1,200 tan sehari.
7. ISWMC adalah projek pertama di dalam Malaysia yang menggunakan sampah domestik sebagai bahan utama untuk menghasilkan *methane* dalam *Anaerobic Digester (AD)*. Kebiasaan sisa yang digunakan adalah sisa POME (*Palm Oil Mill Effluent*) iaitu sisa air yang terhasil daripada aktiviti *miling* di kilang kelapa sawit.
8. MBSP telah memulakan *Request For Proposal (RFP)* pada tahun 2021 dan seterusnya melantik Syarikat Greenviro Solutions Sdn. Bhd. (GSSB) untuk melaksanakan projek pembinaan ISWMC di Stesen Pemindahan Ampang Jajar (SPAJ). Projek pembinaan ISWMC melibatkan pembinaan dan pembangunan di tiga (3) kawasan

(Kawasan A, B dan C) di sebahagian Lot 2036 Mukim 2, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang:-

i. Di kawasan C yang berkeluasan tiga (3) ekar berhampiran Taman Bandaraya, GSSB dikehendaki membina dua (2) bangunan utama untuk MBSP iaitu Depoh Pembersihan MBSP Jabatan Perkhidmatan Perbandaran yang berkeluasan 713 meter persegi dan Pejabat Operasi Jabatan Landskap yang berkeluasan 572 meter persegi. Pejabat Operasi Jabatan Landskap dijangka siap dibina pada Mac 2024 manakala Depoh Pembersihan MBSP Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dijangka siap pada Jun 2024.

ii. Bagi kawasan A dan B yang berkeluasan 10 ekar pula GSSB akan membangunkan *Integrated Solid Waste Management Centre* (ISWMC) bagi menggantikan Stesen Pemindahan Ampang Jajar (SPAJ) di mana fasiliti tersebut dijangka siap pada 31 Januari 2025. *Integrated Solid Waste Management Centre* (ISWMC) akan beroperasi pada 1 Februari 2025 dan akan berakhir pada 31 Januari 2040.

9. Apabila ISWMC telah siap dibangunkan di Ampang Jajar ini, bermula 1 Februari 2025 sampah yang masuk ke ISWMC akan diproses melalui dua (2) peringkat :-

- i. Peringkat pertama sampah akan diproses di *Material Recovery Facility* di mana pada peringkat ini, sampah yang mempunyai nilai akan diasingkan.
  - ii. Peringkat kedua sisa makanan akan dihancurkan dan dimasukkan ke dalam *anaerobic digester* dan proses ini akan menghasilkan gas *methane* yang akan dijual kepada Gas Malaysia.
10. Hasil pemprosesan daripada ISWMC akan menghasilkan *by-product* iaitu gas *methane*, sisa kitar semula dan kompos. Dengan pengoperasian ISWMC, MBSP akan mendapat manfaat dari segi:-
- i. Sisa domestik yang dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) akan berkurangan berdasarkan kapasiti pemprosesan sekaligus memanjangkan jangka hayat TPSPB yang dijangka akan penuh pada tahun 2040.
  - ii. Sisa yang diproses di ISWMC akan mengurangkan perjalanan lori ke TPSPB sekaligus mengurangkan *Carbon Footprint*.
  - iii. Memastikan *Action Plan* bagi *Green Print* Bandar Rendah Karbon Seberang Perai 2030 dicapai.

11. Hari ini kita akan menyaksikan **Majlis Pecah Tanah Pembinaan Depoh Pembersihan Ampang Jajar, Pejabat Operasi Jabatan Landskap dan *Integrated Solid Waste Management Centre* (ISWMC)** sini.
  
12. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada semua yang terlibat dalam **Projek Pembinaan Depoh Pembersihan Ampang Jajar, Pejabat Operasi Jabatan Landskap dan *Integrated Solid Waste Management Centre* (ISWMC)**. Harapan saya adalah untuk kita, bersama-sama berusaha dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab kita dengan penuh amanah, betul dan cepat (ABC). Diharapkan dengan ini, kita semua bersemangat untuk terus memberikan khidmat bakti yang cemerlang kepada rakyat di Seberang Perai.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***